

Kerajaan berpendirian Tun M bersalah isu Batu Puteh, tiada tindakan kerana usia lanjut

BERITA HARIAN 23 JUL 2025 m/s: 3

Kuala Lumpur: Kabinet memutuskan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Batu Puteh atas faktor usianya yang sudah lanjut, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bagaimanapun tetap berpendirian Dr Mahathir bersalah kerana keputusan beliau sebagai Perdana Menteri pada 2018 yang melepaskan Batu Puteh dengan begitu mudah kepada Singapura.

“Kita ambil keputusan (tiada tindakan) kerana ia membabitkan bekas Perdana Menteri, yang usianya 100 tahun.

“Apakah beliau tidak salah? Beliau salah. Apakah perlu ambil tindakan? Saya dan Jemaah Menteri, saya bersetuju jangan ambil tindakan.

“Jika ambil tindakan, Kota Bharu (merujuk Datuk Seri Takiyuddin Hassan) yang akan jeric kata kita tidak adil tapi saya tanpa membabitkan soal ini kerana usianya sudah 100 tahun.

“Salah besar dalam hal ini tetapi kita tak payahlah teruskan (ambil tindakan),” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran).

Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang dinyahklasifikasi dan dikeluarkan pada Disember tahun lalu, mendedahkan kerajaan di bawah pentadbiran Dr Mahathir secara sepihak membuat keputusan menarik balik permohonan bagi menyemak semula dan mentafsir keputusan ICJ pada 2008 yang menganugerahkan Batu Puteh kepada Singapura.

Menurut suruhanjaya itu, siasatan jenayah boleh dimulakan ke atas Dr Mahathir mengikut Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 417 dan Seksyen 418 kanun sama.

Anwar berkata, beliau tidak

mahu apa yang berlaku dalam kes Batu Puteh itu berulang dalam tuntutan sempadan maritim di Laut Sulawesi antara Malaysia dan Indonesia.

“Batu Puteh itu, penyerahan-

nya terlalu mudah, yang sekarang ini diam oleh rakan-rakan saya sebelah sana (pembangkang)

“Ini soal maruah. Kalau Beluran rasa terkesan kerana isu

Laut Sulawesi, begitu jugalah Malaysia seluruhnya dan orang Johor dalam soal penyerahan Batu Puteh.

“Kenapa ‘double standard’ dalam hal ini?” katanya.



Batu Puteh.